

# Mahathir tegur peladang suka berkhayal

JITRA, Khamis — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini menegur peladang yang berangan-angan menjadi kaya, tetapi tidak berusaha mencapainya.

Beliau berkata, untuk berjaya dan menjadi kaya, mereka mesti belajar daripada keiayaan orang lain dan berusaha gigih untuk menikmati kesenangan.

“Untuk menjadi kaya dan berjaya kita mesti mempunyai kesanggupan bekerja keras dan sedia menghadapi cabaran,” katanya ketika melancarkan Kempen Penambahan Saham dan Ahli Pertubuhan Peladang Negeri Kedah (PPNK) di sini.

Turut hadir di majlis itu ialah Menteri Pertanian, Datuk Seri Sanusi Junid dan Menteri Besar Kedah, Tan Sri Haji Osman Aroff.

Perdana Menteri juga berkata, kerajaan merancang pelbagai program bagi membantu meningkatkan taraf hidup peladang, tetapi ia tidak akan berjaya jika mereka enggan bekerjasama dan tidak mempunyai kesanggupan untuk berusaha.

Katanya, kerajaan Kedah mengadakan kerjasama dengan wilayah Oita di Jepun untuk memperkenalkan konsep ‘satu kampung satu keluaran di negeri ini bagi memajukan peladang.

“Bagaimanapun, usaha itu tidak akan berjaya jika sikap peladang terus tidak berubah dan sering berkhayal tanpa berusaha,” katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir juga berkata, peladang perlu menggunakan semua sumber yang ada di kawasan mereka untuk mempelbagaikan usaha, seperti yang dilakukan di Oita.

Menurutnya, di Qita, penduduknya mengeluarkan pelbagai barangan makanan daripada sejenis limau, manakala buluh dijadikan industri kraftangan yang berharga berjuta ringgit.